



جَبَاتِن كَهَاكِيمِن شَرِيحَتِن قَهَاڠ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Jalan Masjid
25000 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-517 7966
Faks : 09-513 4805
Web : <http://pahang.jksm.gov.my>
E-mail : jksps@esyariah.gov.my

Ruj. Tuan : JKSP 600-1/3/1 (19)
Takwim : 13 Muharram 1442H
Tarikh : 01hb September 2020

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 11 TAHUN 2020

Kawasan Larangan Merakam Dan Mengambil Gambar

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil 1/2020 pada 24hb hingga 26hb Ogos 2020 bersamaan 5 hingga 7 Muharram 1442H di Bilik Mesyuarat Pejabat Agama Islam Daerah Rompin telah bersetuju dan memutuskan bahawa:

1. Semua pihak dilarang merakam dan mengambil gambar di kawasan Dewan Bicara, Kamar Hakim, Bilik Pendaftar dan Bilik *Sulh* di semua Mahkamah Syariah Negeri Pahang.
2. Sebarang wawancara atau sidang media hendaklah dibuat di luar kawasan Mahkamah melainkan setelah mendapat kebenaran daripada Ketua Hakim Syarie.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01hb September 2020.

(Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Md Yunos, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

KUANTAN
2020

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. AR5404